

23/03/2002

Delegasi Malaysia tingkat pemahaman pelabur Jerman

Mahfar Ali

SELAMA beberapa hari, Munich dan Berlin seolah-olah diasak Malaysia apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa delegasi besar sempena lawatan rasminya ke Jerman berakhir kelmarin.

Lebih 100 orang menyertai rombongan Perdana Menteri, termasuk Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohd Khir Toyo, Ketua Menteri Melaka, Datuk Ali Rustam serta Ahli Parlimen dan ahli perniagaan.

Selain itu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Aziz, juga menyertai rombongan Perdana Menteri di Munich manakala Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, di Berlin.

Kadir turut mengetuai delegasi Malaysia ke pameran Pelancongan Antarabangsa Berlin (ITB) - kempen pelancongan terbesar dunia bermula Sabtu hingga Rabu lalu. Delegasi Kadir meliputi 30 pengusaha pelancongan, empat agensi kerajaan serta pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan 30 penari serta pemuzik dari Istana Budaya.

Kehadiran delegasi besar itu bukan saja dapat merapatkan lagi hubungan kedua-dua negara serta menarik pelaburan dan pelancong dari Jerman, malah maklumat tepat mengenai Malaysia juga dapat disampaikan secara lebih meluas.

Ini penting kerana sehingga kini masih ramai rakyat Jerman, termasuk golongan berpengaruh dan pelabur, yang keliru atau belum mengenali Malaysia secara dekat.

Perkara itu diakui Rafidah yang menjelaskan bahawa beliau sendiri dalam lawatan awal ke Jerman sebelum ini, menghadapi kesukaran untuk meyakinkan pelabur kerana kebanyakannya kurang mendapat maklumat mengenai Malaysia.

"Malah, saya ditanya apakah selamat untuk pergi ke Malaysia. Pertanyaan sebegini menunjukkan mereka tidak mendapat maklumat tepat mengenai Malaysia.

"Inilah yang perlu kita lakukan, menyampaikan semua maklumat mengenai Malaysia dan lawatan ini sangat berjaya kerana dilakukan secara intensif dan memberi fokus terhadap semua kumpulan.

"Kita menemui ahli perniagaan, penyelidik, kumpulan pemikir serta pemimpin kerajaan dan parti politik manakala Ahli Parlimen dan ahli perniagaan kita pula menemui rakan setugas di Jerman.

"Jadi, kita dapat menemui banyak kumpulan dalam lawatan singkat ini," katanya sambil memaklumkan bahawa kementerianannya akan turut melakukan lawatan susulan ke Jerman, September ini.

Beliau mengakui pemahaman pelabur Jerman mengenai Malaysia kini semakin meningkat, terutama selepas lawatan ini, tetapi berkata lawatan seumpama ini perlu berterusan, apalagi kebanyakan masyarakat Jerman, termasuk dalam sektor industri, masih berkiblatkan Eropah.

Baru kebelakangan ini saja, katanya, syarikat Jerman mula melihat Asia, termasuk Malaysia, berikutan kebimbangan menghadapi persaingan dari China.

Sehubungan itu, Rafidah berkata, Malaysia juga akan mendapatkan bantuan syarikat Jerman yang sudah beroperasi di Malaysia serta Dewan Perniagaan dan Perdagangan Jerman untuk menyampaikan lebih banyak maklumat mengenai peluang pelaburan di Malaysia serta keuntungan menjadikan Malaysia sebagai rakan strategik dalam perniagaan.

Tahun lalu, jumlah perdagangan Malaysia dengan Jerman bernilai AS\$4.8 bilion. Eksport Malaysia ke Jerman berjumlah AS\$2.1 bilion manakala import Jerman bernilai AS\$2.7 bilion.

Ini bermakna Jerman yang mempunyai kawasan seluas 357,042 kilometer persegi dengan penduduk seramai 82.4 juta, sudah mengatasi United Kingdom sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia dalam Kesatuan Eropah.

Sehingga kini, kira-kira 300 syarikat Jerman sudah beroperasi di Malaysia, kebanyakannya dalam sektor elektronik, telekomunikasi, kejuruteraan, perubatan dan petrokimia. Ini termasuk beberapa syarikat gergasi Jerman seperti Siemens dan terbaru pengeluar kereta mewah terkemuka Jerman, BMW, mengesahkan akan menjadikan Malaysia sebagai pusat operasinya di rantau Asia.

Dr Mahathir dalam sidang akhbar di akhir lawatan rasmi tiga hari ke Jerman, berkata BMW akan menempatkan operasinya di Cyberjaya serta Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) untuk alat ganti dan sebagainya.

Penyertaan BMW menjadikannya syarikat gergasi automotif luar pertama yang menjadikan Malaysia pusat operasi bagi rantau Asia. Selain Malaysia, BMW juga akan menempatkan operasi wilayahnya di Amerika Syarikat. Pada masa ini, operasi BMW berpusat di Munich - ibu negeri Bavaria di selatan Jerman.

Sewaktu di Munich, Perdana Menteri turut meluangkan masa melawat syarikat itu bagi meninjau teknologinya, termasuk model terbaru Rolls Royce yang dikeluarkan BMW. Rolls Royce sekarang turut dimiliki BMW.

Dalam lawatan ke Jerman, Dr Mahathir juga menyaksikan empat memorandum persefahaman (MoU) dan satu perjanjian ditandatangani membabitkan kerjasama syarikat serta agensi kerajaan kedua-dua negara.

Tiga MoU dan satu perjanjian kerjasama ditandatangani syarikat Malaysia dan Jerman sempena Forum Perniagaan Malaysia-Jerman manakala satu lagi MoU membabitkan Mara dan Kementerian Sains, Penyelidikan dan Kesenian Bavaria.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Aziz serta Menteri Sains, Penyelidikan dan Kesenian Bavaria, Hans Zehetmair, menandatangani MoU itu bagi penghantaran pelajar tajaan Mara ke universiti teknikal di Bavaria - negeri paling kaya dan menjadi kawasan perindustrian teknologi terpenting di Jerman.

Kumpulan pertama 45 pelajar tajaan Mara itu akan berlepas ke Jerman, September tahun depan, diikuti 45 lagi pelajar pada tahun berikutnya bagi mengikuti pengajian dalam bidang teknikal dan vokasional selepas menjalani program persediaan dua tahun di Institut Jerman-Malaysia, Kuala Lumpur.

Kerjasama dalam bidang pendidikan turut dibincangkan dalam pertemuan Dr Mahathir dengan Canselor Jerman, Gerhard Schroder.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin sependapat mengenai pentingnya Malaysia dan Jerman memperluaskan kerjasama dalam bidang pendidikan yang dilihat sebagai satu lagi sektor yang boleh mengukuhkan hubungan kedua-dua negara.

Dalam sidang akhbar bersama selepas pertemuan itu, Schroder berkata beliau gembira kerana semakin ramai pelajar Malaysia dihantar ke Jerman.

Setakat ini, lebih 150 pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di Jerman atas pembiayaan sendiri atau agensi kerajaan lain.

Bagaimanapun, pada masa ini Malaysia belum lagi mempunyai kerjasama dengan universiti Jerman kecuali Institut Jerman-Malaysia yang ditubuhkan Mara bagi mengendalikan latihan persediaan dalam bidang teknikal.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mencadangkan universiti Jerman mengadakan kerjasama lebih aktif, termasuk kemungkinan menjalankan program berkembar dengan universiti Malaysia atau menubuhkan kampus cawangan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga sedang meneliti bagaimana dapat memanfaatkan kelebihan sistem universiti di Jerman yang tidak mengenakan yuran pengajian.

Kerjasama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi juga mendapat reaksi positif Jerman.

Dalam sektor pelancongan pula, Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengadakan perjanjian pertukaran kebudayaan untuk menarik pelancong Jerman.

Selain itu, Perdana Menteri berpeluang menjelaskan pendirian Malaysia mengenai pelbagai perkara sewaktu mengadakan pertemuan dengan Schroder serta pemimpin pelbagai kumpulan berpengaruh di Jerman.

Ini termasuk isu keganasan antarabangsa, Afghanistan, Indonesia, China, Jepun serta persepsi terhadap Islam dan pergolakan di Timur Tengah.

"Kita juga jelaskan mengenai tindakan yang sudah diambil Malaysia dalam memerangi penganas serta amat pentingnya sebab-sebab berlaku keganasan ditangani, termasuk masalah Palestin," kata Dr Mahathir yang turut merasmikan bangunan baru Kedutaan Malaysia pada hari pertama lawatannya ke Berlin.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, memulakan lawatannya di Munich, Isnin lalu dan diikuti Berlin - ibu negara Jerman.

Sebelum lawatan rasmi tiga hari itu, Perdana Menteri turut singgah di Stuttgart dan Dusseldorf untuk lawatan peribadi. Ini adalah lawatan rasmi pertama Dr Mahathir ke Jerman.

Perdana Menteri pernah membuat beberapa lawatan ke Jerman sebelum ini - lawatan tidak rasmi pada 1977 dan lawatan kerja pada 1988 dan 1998.

(END)